

15/03/1999

Ramalan media asing mengenai Sabah bolos

Faizal Fadzil

SELAIN pemimpin, pengikut dan penyokong parti pembangkang, yang pasti turut kecewa dengan kemenangan Barisan Nasional (BN) di Sabah kelmarin ialah media asing yang selama ini meramalkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan parti komponennya akan kecundang. Banyak media asing khususnya agensi beritanya yang lebih cenderung berpihak kepada pembangkang.

Ramalan seumpama itu dibuat sejak berbulan lalu dan pendokongnya masih berpegang teguh dengan tanggapan itu meskipun pada saat akhir sebelum keputusan penuh diumumkan kelmarin.

Walaupun ada penulis seperti Thomas Fuller (International Herald Tribune) yang membuat analisis tanpa sebarang rumusan konkrit dan tidak memihak, tetapi jumlah penulis seumpama itu tidak ramai.

Sebaliknya, lebih ramai lagi wartawan lain yang keyakinan bahawa Dr Mahathir dan BN akan menerima padah pada kali ini seperti Peter Starr dari agensi berita AFP.

Dalam laporannya yang disiarkan beberapa jam sebelum keputusan diumumkan, beliau melaporkan tinjauan pendapat yang meramalkan kekalahan besar BN. Katanya, kerajaan BN menghadapi tugas yang amat berat untuk mempertahankan majoritinya berikutan tentangan hebat daripada kedua-dua parti pembangkang iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Parti Barisan Rakyat Sabah Bersekutu (Bersekutu).

Bagi mengukuhkan ramalannya itu, Starr memetik satu tinjauan pendapat yang disiarkan oleh akhbar Borneo Post yang membayangkan BN hanya mampu memenangi 23 kerusi dan PBS 21 kerusi, manakala empat kerusi selebihnya akan diraih oleh Bersekutu pimpinan Datuk Harris Salleh.

Meskipun pengundian pada hari pertama telah dilakukan, media asing tetap cenderung meramalkan kemenangan berpihak kepada pembangkang. Selepas tamat pengundian, Reuters melaporkan pula banyak petunjuk membayangkan perbezaan undi dalam pilihan raya negeri itu sangat kecil tetapi tidak begitu memihak kepada BN.

Malah, agensi berita itu juga turut memetik kenyataan seorang yang mendakwa dirinya sebagai sumber rasmi BN yang enggan dikenali yang dilaporkan sebagai berkata: "Kami menjangka dapat memenangi 22 hingga 23 kerusi saja pada ketika ini dan saya fikir PBS juga akan mendapat jumlah yang lebih kurang sama."

Apa yang jelas, media asing tidak dapat menyembunyikan perasaan kurang senang mereka apabila terus meramalkan kesukaran BN untuk mempertahankan kuasa, meskipun ada petanda awal menunjukkan BN mendahului parti lain selepas pengundian pada hari pertama.

Agensi berita AP pula melaporkan, meskipun BN mendahului dengan mendapat 10 kerusi pada hari pertama berbanding PBS empat kerusi selepas hari pertama pengundian, laporan itu menyebut pemerhati politik sebagai berpendapat, keputusan itu masih belum memberi keselesaan kepada Dr Mahathir.

Laporan itu jelas tidak tepat kerana pada hari pertama, pengundian hanya dijalankan di enam kawasan Dewan Undangan Negeri. Kawasan itu ialah Banggi, Sindumin, Pensiangan, Sugut, Kuamut dan Kalabakan.

Paling menyedihkan sekali sekali gus menghina profesyen kewartawanan ialah apabila media asing sekali cuba mempertahankan analisis mereka yang terpesong itu dengan mengemukakan alasan lemah dan tidak boleh diterima memandangkan keputusan pilihan raya tidak menepati ramalan mereka.

Sebagai contoh, laporan Reuters yang membangkitkan persoalan lama

seperti pengundi hantu dan tindakan BN menggunakan pendatang haram sebagai pengundi mereka.

Media asing yang sebelum ini melahirkan keyakinan bahawa reformasi Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menjadi faktor yang mampu menjatuhkan BN di Sabah, kini menganggap isu itu tidak relevan dengan politik Sabah yang mengutamakan soal pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Reuters juga cuba menafikan kemenangan mutlak BN dengan menyatakan bahawa "meskipun kalah, PBS masih mampu menambah bilangan kerusi mereka daripada empat kepada 17 kerusi".

Memang benar sebelum pilihan raya 1994, kerusi PBS hanya tinggal empat kerana ramai ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) parti itu yang tidak lagi mempercayai falsafah perjuangannya lalu meninggalkannya. Bagaimanapun, pada peringkat awal PBS hampir-hampir memerintah Sabah kerana meraih sebanyak 25 kerusi berbanding 23 yang dimenangi BN. Jika jumlah itu diambil kira, sebenarnya kekuatan PBS sudah jauh merosot berbanding pilihan raya 1994 dan bukannya meningkat mengikut kacamata pelapor media asing.

Seorang lagi penganalisis Reuters, Nelson Graves, masih gemar memetik keluhan pembangkang mengenai penggunaan pengundi hantu dan politik wang bagi memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya kali ini.

Jelas, wartawan-wartawan media asing sukar menerima hakikat bahawa kemenangan BN di Sabah lebih berasaskan kepada keyakinan rakyat negeri itu yang masih mahu BN mentadbir negeri itu kerana rekod silamnya yang gemilang.

Justeru, kemenangan BN dengan majoriti yang agak besar bukan sahaja mengecewakan media asing yang memang cenderung melihat kejatuhan parti pemerintah sesebuah negara bagi mendapatkan bahan berita sensasi, malah menjatuhkan kewibawaan ramalan dan analisis mereka sendiri mengenai sesuatu peristiwa.

Kebanyakan laporan dan analisis media asing dibuat oleh wartawan yang hanya sekali sekala bertandang ke negara ini, malah sumber yang diperolehinya juga tidak begitu jelas kesahihannya.

Sebenarnya, ramalan dan analisis rambang seumpama itu bukan satu pendekatan luar biasa di kalangan pengamal media asing. Jika kita meneliti laporan mereka sebelum ini, kelemahan paling ketara dalam penulisan berita media Barat ialah ketepatan fakta khususnya tulisan mengenai negara Asia oleh penulis yang tidak peka dan memiliki kefahaman mengenai negara di rantau ini.

Di Malaysia, contoh terbaik ialah apabila media Barat memperbesarkan soal jerebu, kekecohan yang berlaku di Chow Kit, Kuala Lumpur pada tahun lalu dan juga gerakan reformasi yang diwar-warkan sebagai satu gerakan massa yang mendapat sokongan hangat di seluruh negara.

Hakikatnya, kekecohan dan gerakan itu hanya mendapat sokongan di tempat-tempat tertentu khususnya di Kuala Lumpur sahaja.

Ini adalah antara padah yang mereka raih apabila sentiasa menganggap setiap tanggapan yang diutarakan oleh pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sebagai benar, sebaliknya kenyataan pemimpin kerajaan dianggap sebagai satu propaganda yang tidak berasas.

Sewajarnya, sudah tiba masanya pengamal media asing mengikuti nasihat Perdana Menteri yang meminta mereka membuat laporan dengan tepat dan berdasarkan fakta, kerana sebarang pembongkaran hanya akan memberi kesan buruk terutama ke atas ekonomi sesebuah negara seperti Malaysia.

Nasihat itu sewajarnya dijadikan panduan apabila mereka menulis laporan kerana ia bukan saja akan merosakkan ekonomi sesebuah negara itu, malah memusnahkan kredibiliti wartawan dan agensi berita terbabit.

Jika kredibiliti itu tercemar, sudah tentu seluruh dunia akan merasakan diri mereka tertipu kerana saban hari 'dipaksa' membaca berita dan

analisis yang menyimpang jauh daripada kebenaran.

Justeru, keputusan pilihan raya negeri Sabah seharusnya menjadi iktibar kepada media asing supaya lebih berhati-hati membuat analisis daripada sumber yang tidak pasti kesahihannya bagi memastikan kewibawaan mereka tidak lagi tercalar apabila membuat laporan mengenai negara ini.

(END)